

DATE: 2 / 11 / 2010

## Dinar emas henti perang mata wang

BH - 2/11/2010

**P**ENGGUNAAN dinar emas adalah pilihan paling sesuai bagi negara di dunia menghentikan peperangan mata wang, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, peperangan mata wang antara negara terjadi apabila masing-masing terpaksa menurunkan nilai mata wang untuk mengekalkan daya saing ekoran penyusutan nilai dolar Amerika Syarikat (AS) yang menjadi mata wang utama untuk perdagangan antarabangsa.

"Jika setiap negara menurunkan nilai mata wangnya, pastinya akan ada perang mata wang dan ia akan menyumbang kepada krisis ekonomi lebih buruk," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Dunia Pertama Mengenai Riba di Kuala Lumpur, semalam.

Persidangan dua hari itu menampilkan cendekiawan, peneraju sektor perniagaan dan industri, ahli politik, pegawai kerajaan, pembuat dasar, orang awam serta pelajar dari seluruh dunia yang berkumpul bagi membincang dan berkongsi pandangan mengenai riba



DR MAHATHIR diiringi pengerusi Persidangan Dunia Pertama Mengenai Riba, Shirazdeen Adam (kiri) pada sidang itu di Kuala Lumpur, semalam.

dan kesannya terhadap krisis ekonomi dunia.

Ia disertai kira-kira 200 peserta termasuk dari AS, Nigeria, United Kingdom, Kanada, Jordan, Indonesia dan Singapura.

Dr Mahathir berkata, walaupun penggunaan dinar emas adalah pilihan paling sesuai bagi menghentikan peperangan mata wang, ia hanya sesuai digunakan untuk perdagangan antarabangsa dan bukan sebagai mata wang tempatan kerana sukar dibawa.

Beliau berkata, ini kerana, berbanding mata wang yang mempunyai nilai berbeza antara

setiap negara, emas diterima dan dinilai sama oleh semua negara.

"Mata wang tidak ada sokongan kecuali dicari orang ramai. Jika negara mula menurunkan nilai mata wang mereka, akan berlaku kekecohan dalam perdagangan antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, institusi kewangan Islam seharusnya mematuhi prinsip perbankan Islam walaupun terdapat peluang untuk mereka mengambil alih tanggungjawab perbankan konvensional.

Beliau berkata, perban-

kan Islam kini semakin diterima baik di seluruh dunia kerana prinsipnya yang berlandaskan syariah dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata berbanding sistem kewangan konvensional yang lebih berlandaskan keuntungan.

"Justeru, institusi kewangan Islam perlu berhati-hati semasa memperkenalkan produk baru dan tidak menyamai yang ditawarkan oleh bank konvensional.

"Bukan agama Islam saja menolak amalan riba, tetapi juga agama lain termasuk Kristian," katanya.